

Bisnes

Pasdec labur RM850 juta

Oleh YULPISMAN ASLI
utusanpahang@utusan.com.my

KUANTAN 29 Mac - Projek perumahan bercampur Bandar Putra di Tanjung Lumpur yang dibangunkan oleh Pasdec Putra Sdn. Bhd., anak syarikat Kumpulan Pasdec Holdings Bhd. (Pasdec) melibatkan pelaburan RM850 juta, bakal mengubah kawasan itu sebagai sebuah perbandaran.

Dengan lokasi yang strategik iaitu hanya kira-kira 10 minit dari pusat bandar, projek Bandar Putra merupakan pembangunan bersepadu di atas tanah dengan status hak milik pegangan bebas seluas 417 hektar.

"Pelan induk projek bernilai RM850 juta bakal menyaksikan pembinaan lebih 3,300 buah unit kediaman dan komersial dalam tempoh 10 tahun yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017," kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pasdec, Mohd. Khairuddin Abdul Manan kepada media di sini.

Beliau menyatakan demikian selepas melancarkan jualan pakej 6A7 projek perumahan itu yang menawarkan 38 buah rumah berkembar berharga RM365,740 hingga RM634,611 dengan keluasan lot 2,800 kaki persegi.

Projek itu merangkumi 14 buah rumah berkembar dua tingkat dengan orientasi reka bentuk belakang-membelakang dan 24 buah lagi rumah berkembar dua tingkat dengan orientasi sebelah-menyebelah.

Mohd. Khairuddin yakin pelaksanaan projek Bandar Putra iaitu sebuah perbandaran eksklusif di Tanjung Lumpur, akan terus menjadi pilihan



EKSEKUTIF Pemasaran PASDEC, Malissa Saifuddin menunjukkan rumah berkembar pada majlis pelancaran jualan pakej 6A7 projek perumahan PASDEC di Kuantan, Pahang, semalam.

yang tepat kepada pembeli hartanah di bandar ini dan juga luar Pahang.

Ini kerana katanya, kedudukan lokasinya yang ideal dengan ciri-ciri

pembangunan dan reka bentuk yang menarik serta berhampiran pula dengan Kompleks Yayasan Pahang dan Maahad Tahfiz Pahang yang merupa-

kan pusat pendidikan di negeri ini.

Katanya lagi, sejak pelancaran projek itu dua tahun lalu, pembinaan fasa 1 projek mengandungi 411 unit

rumah teres sederhana, rumah berkembar setingkat dan dua tingkat berjalan lancar dengan kemajuan kerja sebanyak 70 peratus dan jualan sebanyak 75 peratus.

Sementara, Putra Business Centre yang dilancarkan pada Jun lalu sebagai pusat perniagaan Bandar Putra pula kata beliau, juga berjalan lancar pada tahap 20 peratus kemajuan kerja dan 25 peratus jualan.

"Bandar Putra bukan sekadar projek perumahan biasa, tetapi kami menawarkan sebuah pembinaan gaya hidup lengkap yang menampilkan ciri-ciri pembangunan menarik yang menggabungkan elemen 'gaya hidup, reka bentuk berkualiti, kehidupan komuniti dan kejrangan yang selamat', menjadikannya sebagai tanda aras pembangunan bersepadu eksklusif di Kuantan," katanya.

Selain itu kata beliau, kedudukan Tanjung Lumpur yang termasuk dalam kawasan pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER) juga memberi kesan yang signifikan kepada pembangunan dan pelaksanaan projek yang diusahakan oleh syarikat berkenaan.

Menurut Mohd. Khairuddin lagi, pihaknya juga dalam perancangan untuk menajalin kerjasama pintar dengan syarikat-syarikat pemaju hartanah utama di sekitar Kuala Lumpur dalam usaha membangunkan Tanjung Lumpur secara optimum.

Ini termasuk perancangan Pasdec untuk mewujudkan 'bandar automatik' merangkumi bilik-bilik pameran kenderaan di Tanjung Lumpur sebagai satu lagi tarikan baru ke kawasan berkenaan.